

PM: Pas usaha hakis budaya berterima kasih

UM 6 APR 2002

LANGKAWI 5 April — Pas berusaha menghakis budaya berterima kasih yang menjadi amalan mulia rakyat negara ini kerana bimbang rakyat yang terhutang budi dengan kerajaan akan menyokong UMNO.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, budaya baik orang Melayu ini yang dituntut oleh agama Islam cuba dihancurkan oleh parti pembangkang itu semata-mata kerana kepentingan politik mereka.

“Orang yang membawa ajaran ini (tidak berterima kasih kepada kerajaan) bukan bertujuan untuk mengembangkan agama Islam, tetapi mahu supaya rakyat menyokong pembangkang,” katanya semasa berucap merasmikan Mesyuarat UMNO bahagian Langkawi hari ini.

Perdana Menteri menarik perhatian, Langkawi umpamanya telah menerima peruntukan kerajaan lebih daripada RM1 bilion dan pihak swasta pula membelanjakan lebih daripada itu untuk pembangunan dan rakyat pulau ini.

“Kalau rakyat Langkawi tahu berterima kasih, tentulah mereka semua akan menyokong kerajaan melalui parti Barisan Nasional atau UMNO.

“Bagaimanapun ada pihak yang memutarakan belitkan kenyataan saya apabila saya kata, kalau kita tidak berterima kasih kepada orang yang menyampaikan sesuatu kepada kita, ia bertentangan dengan ajaran Islam,” ujar beliau.

Dr. Mahathir berkata, beliau berterima kasih kepada penduduk Langkawi kerana menganjurkan majlis perhimpunan untuk mengucapkan penghargaan kepadanya pada malam ini.

“Jawapan saya... sama-samalah,” katanya disambut dengan tepukan.

Menurut beliau, ucapan terima kasih itu merupakan budaya rakyat Malaysia apabila menerima pemberian daripada sesiapa pun.

“Saya bagi apa sanaat... yang bagi adalah orang yang betul-betul buat kerja dan bangukan Langkawi, tapi kalau nak kata terima kasih kat saya, tak kan saya nak tolak pulak,” kata Dr. Mahathir.

Menurut beliau, ucapan ini merupakan adat dan budaya rakyat negara ini yang cuba dihancurkan oleh Pas semata-mata kerana kepentingan politik.

“Sebab itu, saya katakan bahawa Pas itu bukan parti Is-

lam kerana apa yang dilakukan oleh parti itu bertentangan dengan agama,” kata Dr. Mahathir.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, adalah menjadi perjuangan besar orang Islam di negara ini untuk membebaskan diri daripada diperalatkan oleh Pas kerana parti itu ternyata melemahkan dan memecah belahlahkan orang Islam.

Sebelum Pas ditubuhkan, orang Islam di negara ini bersatu padu, tetapi kata Dr. Mahathir, selepas pembangkang wujud sebagai ajaran disebar untuk memecahkan belah orang Melayu agar separuh daripada mereka menyokong Pas.

Sebab itu, kata Dr. Mahathir, perjuangan UMNO menjadi penting kerana ia mempertahankan agama Islam dan orang Islam melalui pemberian ilmu pengetahuan dan kemajuan.

“Kalau kita miskin dan daif, tidak mungkin kita dapat mempertahankan agama Islam kerana kemiskinan itu adalah hampir kepada kekufuran,” ujarnya.

Beliau menarik perhatian, sejarah membuktikan orang Islam akan meninggalkan agama selepas menerima atau ditawarkan bantuan daripada bukan Islam.